

30 JAN 2001  
Zainuddin-Sumpah  
ZAINUDDIN ANGKAT SUMPAH JAWATAN

PUTRAJAYA, 30 Jan (Bernama) -- Senator Datuk Zainuddin Maidin, hari ini mengangkat sumpah jawatan sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan di hadapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabatnya di sini.

Turut hadir menyaksikan upacara itu ialah Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Pelantikan Zainuddin diumumkan oleh Perdana Menteri pada 17 Jan lepas.

Zainuddin memberitahu pemberita selepas upacara itu bahawa beliau akan menggunakan pengalaman selama 40 tahun dalam bidangewartawanan untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada media khususnya media kerajaan.

"Saya berharap dapat memberi tanggungjawab sepenuhnya dengan sokongan bersama kakitangan Kementerian Penerangan untuk menjadikan RTM sebagai sumber maklumat utama negara," katanya.

Zainuddin yang tidak menyangka dapat beralih jawatan pada usia 61 tahun, mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana memberi kepercayaan kepadanya memegang jawatan itu.

"Mana-mana ruang yang telah dirancang oleh Menteri Penerangan (Tan Sri Khalil Yaakob) untuk diperbaiki, saya akan bantulah.

"Pengalaman saya adalah wartawan, jadi barangkali wartawan boleh tengoklah sedikit sebanyak kelemahan dari segi berita dan maklumat.

"Insya-Allah dengan langkah-langkah yang telah disediakan, RTM akan kembali kepada kedudukan sebagai sumber berita utama negara," katanya.

Berikutan dengan pelantikan itu, Zainuddin mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu (M) Berhad dan juga anggota lembaga pengarah Utusan Melayu.

Beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Eksekutif Kumpulan Utusan pada Ogos 1998.

Zainuddin atau yang dikenali dengan panggilan "Zam" adalah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan pada 1982-1992 dan kemudiannya Penasihat Jabatan Pengarang selama dua tahun.

Beliau dilantik sebagai anggota Dewan Negara pada 1998.

-- BERNAMA

KLS AZZ NMO